

BEKERJASAMA LAHIR GRADUAN BERKUALITI, CIPTA TEKNOLOGI

December 31, 2016, Saturday

Oleh Patricia Gari//

The Borneo Post

KUCHING: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bekerjasama rapat dengan industri-industri utama bagi melahirkan graduan berkualiti dan mencipta teknologi untuk dimanfaat oleh industri dan masya-rakat.

Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata ketika ini UNIMAS terlibat aktif dalam industri perkayuan dan sektor minyak dan gas Sarawak.

“Kami sedar pentingnya UNIMAS mendapat soko-ngan daripada industri sama ada tempatan atau luar negara kerana mereka (industri) yang akan menggunakan produk keluaran kami iaitu graduan.

“Pada masa sama ia membantu mengkomersialkan hasil atau produk penyelidikan kami kerana tujuan kami melakukan penyelidi-kan ialah untuk dipasarkan khususnya kepada industri, kemudiannya dipanjangkan kepada komuniti jika tidak ia akan kekal dalam makmal universiti,” katanya.

Beliau berkata kerjasama itu juga sejajar dengan tuju-an penubuhan UNIMAS hampir 25 tahun lalu, iaitu tidak hanya menghasilkan sumber manusia berkualiti tetapi mencipta teknologi yang memberi manfaat kepada industri.

Bagi tujuan itu katanya, UNIMAS menubuhkan Pe-jabat Pengurusan Komuniti Industri untuk menyelaras aktiviti serta program antara univerisiti dan industri .

“Kami telah melakukannya (kerjasama) dengan baik sekali, industri-industri terlibat adalah pelbagai tidak hanya dari luar negara tetapi tempatan seperti di (Zon Perindustrian) Samalaju.

“UNIMAS turut meng-adakan kerjasama dengan sektor pertanian, boleh dikatakan semua industri yang bersifat komprehensif maknanya tidak hanya memfokus kepada disiplin tertentu,” katanya.

“Ini sejajar dengan disiplin pengajian ditawarkan UNIMAS yang bersifat komprehensif, kami ada sains sumber, teknologi maklumat, sains kognitif, perubatan, seni halus dan sebagainya,” tambah Kadim.

UNIMAS katanya, banyak membantu industri mega dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menghasilkan teknologi bagi menambah baik kerja-kerja pemprosesan serta produktiviti.

“UNIMAS baharu mendapat peruntukan RM1 juta daripada Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) khas untuk mereka cipta perabot dan dalam proses menubuhkan sebuah akademi seperti di-cadang oleh PUSAKA,” jelasnya.

Beliau turut memberitahu bahawa UNIMAS terlibat aktif dalam industri minyak dan gas terutama kerjasama dengan Shell SMDS Bintulu serta Petronas.

Menurutnya UNIMAS sedang melaksanakan beberapa projek Shell selain dalam peringkat rundingan dengan Petronas dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D).

“Kami sedang bekerjasama dengan pemain industri yang besar untuk membantu mereka menambah baik proses perindustriannya, kami mendapat projek yang bagus, melibatkan kos mencecah jutaan ringgit.

“Namun saya tidak boleh mendedahkannya di sini kerana ia adalah sulit. Ini tidak termasuk usaha kami membantu industri-industri kecil dalam memperkenalkan proses pembungkusan, pemprosesan dan sebagainya, contohnya membantu DBKU mengurus sisa buangan secara lestari,” jelasnya.

Mengenai kadar kebolehpasaran graduan UNIMAS khususnya yang menamatkan pengajian mereka tahun ini beliau berkata dijangkakan 80 peratus daripadanya mendapat pekerjaan menjelang hujung tahun ini.

Beliau menjelaskan bahawa angka itu (80 peratus) adalah munasabah kerana tidak semua graduan mahu bekerja sebaik tamat pengajian sebaliknya memilih untuk berehat seketika, mengembara atau melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

“Sebanyak 70-80 peratus adalah angka yang saya katakan baik, sudah tentu ia bergantung kepada program dan disiplin.

“Disiplin perubatan misalnya peratusan mendapat pekerjaan ialah 100 peratus, kejuruaratan hampir 100 peratus, kejuruteraan 90 peratus.

“Mungkin disiplin lain se-perti sains sosial dan seni halus berdepan sedikit cabaran dan mengambil sedikit masa untuk mendapat pekerjaan,” katanya.

Bagaimanapun ujarnya, gra-duan berkenaan telah dilengkapi kemahiran tertentu bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran mereka.

“Mereka ini dilatih dengan kemahiran lain sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan dan menjadi usahawan atau bekerja sen-dir, sejajar dengan hasrat UNIMAS untuk melahirkan graduan holistik,” katanya.